



FOKUS

Menjawab persoalan anda mengenai peranan dan tugas MCMC

Lindungi Data Peribadi Anda Dalam Talian

Dalam dunia yang kini dihubungkan secara digital, semua orang terdedah kepada kecurian data. Data peribadi anda mungkin dikongsi dengan pelbagai pihak sama ada melalui pendaftaran dalam talian, pembelian atau melalui interaksi di media sosial. Ada kemungkinan data sedemikian akan dicuri atau disalahgunakan pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, pengguna internet harus mengambil langkah berjaga-jaga dalam menguruskan data mereka dan mengambil tindakan untuk melindungi diri mereka sendiri.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kecurian data dalam talian?

Kecurian data merupakan perbuatan mencuri maklumat berasaskan komputer daripada mangsa dengan niat mengganggu privasi atau mendapatkan maklumat sulit.

Antara cara popular untuk mencuri maklumat:

- E-dagang: Pastikan data anda selamat daripada mereka yang tidak bertanggungjawab apabila berjual beli di Internet. Jika cuai, maklumat akaun peribadi anda mungkin terlepas.
- Memecah kata laluan: Penceroboh boleh mengawal peranti anda dan mendapatkan maklumat berharga jika ia tidak dilindungi oleh kata laluan atau mempunyai kata laluan yang lemah.
- Curi dengar (*eavesdropping*): Data yang dihantar melalui talian tidak selamat boleh diintip dan direkodkan. Jika tiada mekanisme penyulitan (*encryption*) digunakan, ada kemungkinan kata laluan dan maklumat peribadi yang lain akan jatuh kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.
- Kecurian komputer riba: Kes kecurian komputer riba daripada firma korporat semakin kerap berlaku, dan maklumat yang diperolehi dijual kepada pesaing.

2. Apakah yang akan terjadi apabila data saya dicuri?

Sekiranya pihak yang tidak bertanggungjawab atau penjenayah telah berjaya mendapatkan maklumat yang boleh digunakan untuk membangunkan sesuatu identiti, penjenayah boleh melakukan pelbagai aktiviti sama ada sah atau yang tidak sah di sisi perundangan Malaysia. Antaranya penjenayah boleh mengosongkan akaun bank dan kad kredit mangsa, penjenayah boleh memfaikan permohonan untuk mendapatkan kad kredit, pinjaman kewangan, insuran atau hartanah, penjenayah boleh memohon untuk mendapatkan perkhidmatan telekomunikasi seperti talian telefon, internet atau jalur lebar.

3. Bagaimanakah pihak berkuasa dapat membantu menangani kes-kes sebegini?

Kes-kes berkaitan kecurian data boleh disiasat oleh Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau Polis Diraja Malaysia (PDRM) bergantung kepada elemen kes dan pengguna perlu melaporkan kepada pihak berkuasa jika menyaki data mereka telah dicerobohi.

Pihak MCMC sebagai pengawal selia industri komunikasi dan multimedia akan bekerjasama dengan JPDP dan PDRM dalam menyiasat kes-kes seperti ini dengan memberi bantuan teknikal.

4. Apakah saranan MCMC bagi melindungi data peribadi saya?

Ingat tip-tip penting seperti:

- Sentiasa log keluar daripada media sosial apabila tidak digunakan.
- Gunakan kata laluan yang kompleks menggunakan kombinasi huruf, nombor dan karakter khas, dan sentiasa tukar kata laluan anda.
- Mengelakkan perkongsian maklumat peribadi yang berlebihan.
- Mengelakkan dari memuat turun aplikasi yang tidak diketahui tahap keselamatannya.
- Gunakan aplikasi sekuriti seperti antivirus, *firewall* dan perlindungan *browser*.
- Berhati-hati apabila menggunakan Wi-Fi awam percuma - jangan hantar maklumat sensitif melalui rangkaian tersebut terutamanya transaksi perbankan dalam talian.
- Jangan buka mesej daripada orang yang anda tidak kenali, dan jangan sekali-kali klik pautan atau buka lampiran dalam mesej tersebut.
- Aktifkan pengesahan dwi-faktor (*two-factor authentication*), yang merupakan satu lagi lapisan sekuriti penentusahan.

Sesiapa sahaja boleh terdedah kepada kecurian data. Justeru, adalah penting untuk anda mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya kecurian identiti melalui penipuan dalam talian.

Headline:
Lindungi Data Peribadi Anda Dalam Talian

Publication/Portal: Mingguan Malaysia

Date: 26 November 2017

Language: Bahasa Malaysia

Section: Rencana

Page: 10